



PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE
Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

No. Telefon : 05-5018400 (Am)
05-5018401 (KHS)

No. Faks : 05-5018540 (KHS)
05-5018522 (Am)

Ruj. Kami : JKSPk 100-5/1 (04)
Takwim : 21 SYAABAN 1439H
Tarikh : 7 MEI 2018M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 2 Tahun 2018

Pelepasan Orang Kena Tangkap dengan jaminan di bawah Seksyen 23
Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Perak) 2004

Saya ingin menarik perhatian Y.A./Tuan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Undang-undang bil 2/2018, Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 20-21 April 2018 di Gerik, Perak telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung tatacara pelepasan orang kena tangkap dengan jaminan di bawah seksyen 23 Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Perak) 2004 adalah seperti ketetapan berikut:-

- i) Permintaan sebutan kes untuk melepaskan orang kena tangkap hendaklah didengar pada hari pendaftaran kes dan mengikut tatacara di lampiran 1;





- ii) Pindaan daripada kes jaminan kepada kes pendakwaan hendaklah mengikut tatacara di lampiran 2;
- iii) Pengembalian wang jaminan orang kena tangkap hendaklah mengikut tatacara di lampiran 3;
- iv) Yang Arif/Tuan Hakim hendaklah menimbangkan apa-apa permohonan atau memasukkan syarat-syarat lain berkenaan jaminan dengan mengeluarkan perintah bertulis mengikut contoh di lampiran ini.
- v) Tempoh tangguhan untuk jaminan ditetapkan maksimum selama 2 bulan, sekiranya tiada pendakwaan dimulakan oleh Pendakwa Syarie, Hakim boleh melepaskan orang kena tangkap dan mengembalikan jaminan, dan orang kena tangkap, tertakluk kepada budibicara Ketua Pegawai Penguatkuasa, boleh mengambil bon jaminan daripada orang kena tangkap untuk meneruskan siasatan kes.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018











(DATO' HAJI ASA'ARI BIN HAJI MOHD YAZID)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN







**PERMOHONAN SEBUTAN KES UNTUK PELEPASAN ORANG KENA TANGKAP OLEH
PPA/PENDAKWA SYARIE
(SEKSYEN 23 ETJS PERAK)**

Orang Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Dokumen Rujukan/ Lampiran
		Mula	
Pegawai Penguatkuasa Agama		<ol style="list-style-type: none"> 1. Laksanakan tangkapan dan membawa OKT ke Pejabat Agama/JAIPk. Menjalankan siasatan dan menyediakan laporan siasatan & tangkapan. (tangkapan tidak lebih 24 jam) 2. Serah fail siasatan kepada Pendakwa Syarie. 	
Ketua Pendakwa Syarie/Pendakwa Syarie		<ol style="list-style-type: none"> 3. Sediakan dokumen berikut untuk sebutan jaminan untuk pelepasan orang kena tangkap;- <ul style="list-style-type: none"> i- Surat permintaan untuk sebutan jaminan kepada Hakim; ii- Salinan Kad pengenalan/Passport Orang Kena Tangkap atau apa-apa pengenalan diri; iii- Waran tangkap, jika ada; iv- Laporan tangkapan PPA. 4. Menyerahkan dokumen-dokumen kepada Pendaftar Mahkamah untuk pemfailan. 	
Pendaftar/ Pembantu Pendaftar		<ol style="list-style-type: none"> 5. Semak dokumen-dokumen dan mendaftarkan kes ke dalam SPKMS e-Syariah dengan menggunakan kod kes 199. Daftarkan kes dalam buku kausa dan membuka fail kes. <p>Jika OKT hendak melantik Peguam</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Terima pemfailan wakalah Peguam 	

LAMPIRAN 1

		dan serahkan fail kepada Hakim untuk sebutan kes.	
Hakim		7. Mendengar permohonan Pendakwa Syarie dan permohonan balas daripada Peguam/OKT, seterusnya mengeluarkan perintah tahanan atau perintah pelepasan dengan jaminan.	
		8. Tetapkan sebutan kes kali ke-2 (maksimum 2 bulan)	
Pegawai Penguatkuasa Agama		9. Mengawas OKT dan penjamin.	
		10. Jika OKT gagal sediakan penjamin atau jika Hakim mengeluarkan perintah tahanan, urus penahanan OKT ke Penjara.	
			
Pendaftar/ Pembantu Pendaftar		11. Sediakan perintah jaminan, dan uruskan dokumen jaminan.	
		12. Lepaskan OKT dengan memaklumkan syarat-syarat perintah jaminan dan kehadiran ke mahkamah untuk sebutan ke-2.	
		Tamat	










PERMOHONAN PINDAAN JAMINAN KEPADA PENDAKWAAN KES ORANG KENA TANGKAP DI HADAPAN HAKIM OLEH PENDAKWA SYARIE

Orang Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Dokumen Rujukan/ Lampiran
		Mula	
Ketua Pendakwa Syarie/Pendakwa Syarie		1. Memfailkan pertuduhan ke Mahkamah. (sebelum tarikh sebutan ke-2)	
Pendaftar/ Pembantu Pendaftar		2. Semak, jika tidak lengkap, kembalikan 3. Dapatkan tandatangan Hakim dan pinda kod kes 199 kepada kod kes kesalahan dalam sistem SPKMS e-Syariah. Jana Notis kehadiran. (mengikut tarikh kes sebutan ke-2) 4. Serahkan 1 salinan Pertuduhan dan notis panggilan kes kepada Penghantar Notis.	Kertas pertuduhan dan Notis kehadiran
Penghantar Notis		5. Laksanakan penyampaian kertas pertuduhan dan Notis Panggilan kes kepada OKT. Sediakan affidavit penyampaian.	Affidavit penyampaian
Ketua Pendakwa Syarie/Pendakwa Syarie		6. Menghadiri sebutan di Mahkamah dan memohon pendakwaan dimulakan ke atas OKT	
Hakim		7. Menyemak kehadiran OKT dan PS. (ketidakhadiran OKT tidak tertakluk kepada laporan penyampaian) 8. mendengar pertuduhan,	

LAMPIRAN 2

	<pre> graph TD Start(()) --> 9[9] 9 --> D{ } D -- Bebas --> Box[] D --> 10[10] 10 --> 11[11] 11 --> End(()) </pre>	<p>9. Jika tiada kes peringkat pendakwa, perintahkan pembebasan OKT dan pemulangan wang jaminan.</p> <p>10. Ada kes, Sabitkan kesalahan dan jatuhkan hukuman. Perintahkan pemulangan jaminan atau jaminan dijadikan denda. (tertakluk persetujuan penjamin)</p>	
<p>Pendaftar/ Pembantu Pendaftar PT Kewangan</p>		<p>11. Rekodkan kes selesai dan uruskan proses pengembalian wang jamin</p>	
		<p>Tamat</p>	

**PENGEMBALIAN WANG JAMINAN ORANG KENA TANGKAP DIHADAPAN HAKIM OLEH
PENDAKWA SYARIE**

Orang Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Dokumen Rujukan/ Lampiran
		Mula	
Pendawa Syarie & OKT	 <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; text-align: center; margin: 0 auto;">1</div>	1. Menghadiri sebutan di Mahkamah.	
Hakim	 <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; text-align: center; margin: 0 auto;">2</div>  <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; text-align: center; margin: 0 auto;">3</div>	2. Menyemak kehadiran PS dan OKT. 3. Mendengar permohonan PS, meluluskan permohonan dan mengeluarkan perintah/arahan bertulis pemulangan wang jaminan kepada penjamin. Melepaskan OKT.	
Pembantu Kewangan	 <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; text-align: center; margin: 0 auto;">4</div>  <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; text-align: center; margin: 0 auto;">5</div>	4. Menerima resit asal bayaran wang jaminan daripada OKT ; atau surat Akuan Berkanun jika resit asal hilang. 5. Menguruskan pemulangan wang jaminan.	
Pendaftar/Pembantu Pendaftar	 <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; text-align: center; margin: 0 auto;">6</div>	6. Mengemaskini data, merekodkan fail selesai dalam SPKMS e-Syariah dan buku kausa.	
	 	Tamat	

ENAKMEN TATACARA JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH (PERAK) 2004
Subseksyen 23

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI
PERAK DARUL RIDZUAN
KES JAMINAN JENAYAH NO :

ANTARA

...

PENDAKWA SYARIE NEGERI PERAK

Dengan

....

ORANG KENA TANGKAP

DI HADAPAN
YA/TUAN HAKIM
HAKIM MAHKAMAH TINGGI/ RENDAH

PERINTAH PELEPASAN JAMINAN

TINDAKAN INI DIDENGAR DAN DIPUTUSKAN pada hari ini dengan kehadiran Pendakwa Syarie dan kehadiran Orang Kena Tangkap yang dibuat dihadapan YA/Tuan Hakim Mahkamah

SETELAH MENELITI semua permohonan daripada Pendakwa Syarie dan Orang Kena Tangkap, maka pada hari ini Mahkamah memerintahkan ke atas Orang Kena Tangkap seperti berikut:-

1. Bahawa Orang Kena Tangkap,, No Kad Pengenalan/Passport ; dilepaskan dengan menyediakan satu jaminan bercagaran sebanyak RM bersama penjamin .
2. Tertakluk kepada syarat-syarat jaminan, Orang Kena Tangkap dikehendaki ;-
 - i- Menghadiri panggilan untuk siasatan di hadapan Pegawai Penguatkuasa Agama pada bila-bila masa dan tempat yang dikehendaki oleh Pegawai Penguatkuasa Agama;
 - ii- Memberikan maklumat berkaitan diri, penjamin dan alamat boleh dihubungi kepada Pegawai Penguatkuasa Agama dan Mahkamah pada setiap masa jika bertukar-tukar alamat tempat tinggal.;
 - iii- Melaporkan diri setiap hari..... Minggu..... Bulan..... kepada Pejabat Penguatkuasa Agama di
 - iv- Menghadiri perbicaraan di tetapkan oleh Mahkamah.

3. Pelanggaran syarat-syarat perintah jaminan ini menyebabkan satu tangkapan boleh dilaksanakan ke atas Orang Kena Tangkap dan jaminan bercagaran boleh dirampas.

PERINTAH INI BERKUATKUASA mulai hari ini sehingga suatu perintah lain dikeluarkan.

Bertarikh pada

.....
Hakim/Pendaftar